

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 28/10/2020

DIBACA PADA: 30/10/2020

DILULUSKAN OLEH:



BAHARUDIN HU ALWI  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

جاءت خصال الجوارح اكمل اسلام كماله

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 RABIULAWAL 1442H/ 30 OKTOBER 2020

### ISLAM & KEBERSIHAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- **Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah** menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- 
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي مَلَكَهُ  
مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

(Surah al-Baqarah, ayat 247)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.


### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Para Fuqaha' telah memberikan perhatian mengenai kebersihan apabila memulakan perbincangan dalam kitab-kitab fiqh dengan bab taharah, iaitu kebersihan terlebih dahulu. Ini membuktikan bahawa kebersihan itu adalah satu keutamaan dalam semua hal khususnya dalam ibadat. Budaya menjaga kebersihan adalah amat dituntut dalam agama Islam. Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa mengamalkan kebersihan

dan ia merangkumi kebersihan diri, keluarga, tempat tinggal, tempat beribadah, tempat awam, dan sebagainya. Bagi menjaga kebersihan diri, bukan setakat menjaga kebersihan luaran sahaja akan tetapi merangkumi kebersihan hati nurani daripada sifat kufur dan segala perkara yang boleh membawa kepada bahaya dan dosa seperti perbuatan syirik iaitu menyekutukan Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Daripada Abu Malik Al-Ansyari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.*

Sesungguhnya agama Islam juga sangat menitikberatkan kebersihan dalam mengerjakan amal ibadah kerana Allah S.W.T sangat menyukai hambaNya yang sentiasa mensucikan diri sebelum melakukan ibadah seperti sembahyang di mana seseorang itu hendaklah memastikan diri, pakaian dan tempat sembahyangnya dalam keadaan bersih dan suci serta terhindar dari segala najis begitu juga dengan memegang Al-Qur'an, melakukan tawaf dan sebagainya hendaklah dengan berwuduk.

Firman Allah Azza Wa Jalla dalam surah Al-Baqarah ayat 222:



*“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,**

Agama Islam sangat mementingkan soal kebersihan dan kesihatan bagi mewujudkan suasana yang selesa di dalam semua keadaan sama ada ketika beribadah ataupun tidak. Begitu juga bagi Allah SWT, sangat menyukai hamba-hambaNya yang sukakan kebaikan, kecantikan dan kebersihan. Sepertimana hadis yang diriwayatkan At-Tirmizi yang mafhumnya: *“Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan Dia menyukai kedermawanan. Maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu”.*

Maka dengan itu, dapat kita simpulkan, bahawa Islam amat menyukai orang yang sukakan kebersihan kerana kebersihan adalah asas kepada kesihatan. Ketahuilah bahawa membersihkan badan seperti mandi, mencukur misai, memotong kuku serta mencukur bulu adalah amalan-amalan sunat yang dituntut dalam Islam. Amalan-amalan ini mempunyai hikmah, antaranya, boleh mengekalkan kesihatan, mengelakkan diri daripada mendapat pelbagai penyakit, menampakkan kekemasan dan yang paling penting mengamalkan sunah Rasulullah SAW.

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ

رءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri, yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahanmu, yang sangat inginkan kebaikan bagimu, (dan) amat belas lagi penyayang kepada orang yang beriman”. (Surah at-Taubah: 128)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَانِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تیکس خطبه جمعة کدوا (4)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

أَمَّا بَعْدُ: يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ بِعِنَايَتِكَ إِلَى  
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَاوَتَام يَغْدَقْرَتُوا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ أَنْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ ،  
وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَكُلَّ مَنْ هُوَ عَدُوٌّ لِلدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَأَوْلِيَاءَ أُمُورِهِمْ بِالصَّلَاحِ وَالْإِعَانَةِ عَلَى الْحَقِّ وَالْقِيَامِ بِالْعَدْلِ ، وَأَنْصُرْ  
جُيُوشَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤَحِّدِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ لِإِعْلَاءِ كَلِمَتِكَ ، إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ ، رَبَّنَا  
هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ، رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .